

11 OCT 2002

Mahathir-Insurans

KOS UBAT, RAWATAN, ANTARA FAKTOR PENGENALAN INSURANS KESIHATAN

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kos rawatan dan kos ubat yang tinggi adalah antara faktor yang menyebabkan kerajaan mahu memperkenalkan skim insurans kesihatan di negara ini.

Katanya kerajaan tidak mampu terus menanggung beban perbelanjaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan berharap skim insurans itu akan meringankan bebannya.

"Kita tak nak bebankan rakyat tapi kerajaan mempunyai had untuk belanja, ini pun kita telah naikkan perbelanjaan untuk Kementerian Kesihatan sebanyak 20 peratus, yang terbesar pernah kita beri, tapi selalunya tak cukup, jadi kita kena ada jugalah suatu bentuk insurans," katanya pada sidang media selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia di KLCC di sini hari ini.

Bajet 2003 yang dibentangkan di Parlimen bulan lepas memperuntukkan sejumlah RM7.55 bilion bagi meneruskan peningkatan taraf dan mutu perkhidmatan perubatan serta kesihatan awam.

Dr Mahathir berkata Malaysia memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada rakyat sebagai mewarisi sistem penjajah.

Pada zaman dahulu, katanya kerajaan penjajah Britain mampu memberi ubat-ubatan secara percuma kerana kos ubat pada masa itu tersangat rendah, misalnya ubat batuk cuma berharga satu sen sebotol, dan botol perlu dibawa sendiri oleh pesakit.

"Tapi sekarang ini kalau batuk kena beri banyak antibiotik, satu kapsul RM5, RM10, kita tak mampu nak berilah," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedang mengkaji model insurans kesihatan yang digunakan di beberapa negara lain sebagai contoh kepada skim yang akan digunakan di negara ini tetapi Malaysia tidak akan menggunakan model Britain.

Katanya, insurans kesihatan yang dilaksanakan di Britain mewajibkan setiap rakyat memberi sumbangan kepada skim itu.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memberi rawatan percuma setakat yang mampu tetapi berpendapat mereka yang mampu patut membayar.

"Kadang-kadang kita dapati pekerja kilang, umpamanya... kilang dengan mudahnya menghantar (pekerjanya) ke hospital kerajaan, kilang mestilah tanggung rawatan ini," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya Dr Mahathir berkata cadangan pengenalan skim insurans kesihatan itu bukan bermakna kerajaan mahu mengelakkan daripada memberi rawatan percuma tetapi kerana kewangan negara tidak mengizinkan untuk menanggung pembiayaan yang semakin meningkat.

Beliau berkata, sementara Malaysia masih memberi rawatan percuma atau dengan bayaran yang kecil kepada golongan yang tidak berkemampuan, negara-negara lain telah melaksanakan skim kesihatan kebangsaan.

Skim itu bukan percuma kerana setiap rakyat diwajibkan mengikut undang-undang memberi sumbangan kepada skim itu.

"Di Malaysia, tak ada sumbangan daripada kakitangan kerajaan, kita sanggup belanja banyak wang, dengan duit daripada punca lain yang dipungut oleh kerajaan," katanya.

"Memandangkan jumlah pesakit yang ramai dan belanja kerajaan menjadi tinggi, kita perlu mengadakan skim insurans kesihatan supaya mereka yang sakit dapat dirawat mengikut pembiayaan syarikat-syarikat insurans," katanya.

Berhubung Hari Penglihatan Sedunia, beliau berkata kerajaan memberi sokongan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGOs) yang mengambil berat terhadap golongan tidak bernasib baik, termasuk mereka yang cacat penglihatan.

Beliau berharap usaha awal diambil untuk mengurangkan insiden kebutaan berlaku di kalangan penduduk negara ini.

-- BERNAMA

AFY AHH NMO